

BAB IV

PERKEMBANGAN POLITIK DALAM SATU ASAS 1983-1988

Pemerintah berkeinginan setelah paduan tiga parti dilanjutkan dengan penetapan asas tunggal Pancasila. Pemerintah telah yakin akan keberaniannya kerana berkat dukungan dari Golkar dan ABRI. Pelbagai akibat dari asas tunggal Pancasila ini antara lain, sikap pasrah dan timbulnya tafsiran berbeza-beza, akhirnya melahirkan konflik dalaman, khasnya PPP yang berasaskan Islam. Sedangkan bagi Golkar dan juga PDI membawa sedikit keberuntungan dengan lahirnya pendukung baru partinya.

Pembentukan semula struktur organisasi masyarakat dengan asas tunggal Pancasila. Pada awalnya terdapat perbezaan pendapat tentang asas tunggal diberlakukan kepada organisasi masyarakat. Pelbagai sikap organisasi masyarakat. Pertama, bersikap menyesuaikan diri setelah terjadi perdebatan di dalam tubuh organisasinya. Kedua, akhirnya menerima asas tunggal Pancasila, setelah adanya ancaman dari pemerintah. Ketiga, bersikap militan dari kalangan umat Islam dengan melakukan serangkaian peristiwa rusuhan, tokoh politik terbabit telah dikenakan hukuman oleh pemerintah.

Asas tunggal yang membawa keberuntungan bagi Golkar dan PDI kerana banyak pendukung PPP berpindah dalam pilihan raya 1987. Suatu pertanda pindaan budaya politik baru dalam sejarah politik Indonesia. Banyak pemilih Islam merasa kebingungan untuk menyalurkan aspirasinya, apalagi dengan usaha NU yang

bersikap menentang terhadap PPP. Dipelbagai daerah suara PPP menurun, khasnya di wilayah-wilayah NU, sekaligus naiknya suara Golkar dan PDI. Untuk pertama kali di Aceh yang semula wilayah PPP dimenangi oleh Golkar, sedangkan PDI lebih menampakkan dirinya sebagai parti progresif. PDI yang diminati oleh generasi muda perkotaan, mencoba mencabar pemerintah dengan sentimen kharismatik Presiden pertama Indonesia Sukarno.

A. Pembentukan Semula Struktur Parti Politik

Pada pidato kenegaraan 16th Ogos 1982 untuk menyambut Hari Ulang Tahun Kemerdekaan Republik Indonesia ke-37 Presiden Suharto menegaskan pandangannya bahawa parti-parti politik sebaiknya hanya mengikatkan diri pada asas Pancasila.¹ Keinginan Presiden Suharto ini merupakan kelanjutan perubahan politik yang telah dilakukan secara bertahap melalui paduan parti setelah pilihan raya 1971. Namun masih diperkenankan adanya asas ciri seperti Islam untuk PPP. Satu-satunya asas bermakna parti-parti politik harus meninggalkan asas cirinya yang selama ini sebagai alat pengikat antara parti dengan massa pendukungnya. Kebijaksanaan ini sejalan dengan pembinaan politik Orde Baru setelah hancurnya PKI, kemudian menetapkan parti dan organisasi Islam sebagai sasaran utamanya.²

Keinginan Presiden untuk menetapkan asas tunggal Pancasila juga tidak terlepas dari perilaku PPP yang bersikap kritis selama periode 1973 - 1982. Bersikap keluar dengan marah dari dewan mesyuarat MPR 1978, bersikap kritis terhadap

lato Presiden Suharto dalam mesyuarat pimpinan ABRI di Pekanbaru 1980 serta bersikap simpati kepada Petisi 50, membuat perilaku mereka sangat dicurigai oleh pemerintah.

Semula hanya parti-parti politik sahaja perlu memadukan asas tersebut. Tetapi pada perkembangan berikutnya ternyata yang serupa dikenakan pula pada organisasi sosial-keagamaan. Suatu hal yang mengejutkan kerana belum pernah dalam sejarah politik Indonesia dijumpai suatu rezim manapun yang dengan leluasa mampu menyingkirkan pengaruh Islam dalam politik, sama ada rezim penguasa kolonial iaitu Belanda dan Jepun maupun rezim yang lahir setelah Proklamasi Kemerdekaan Indonesia.³ Pemerintah Orde Baru yang sejak semula memang berniat membentuk satu parti dengan kekuasaan terpadu dan didukung oleh ABRI. Mereka tidak ingin memberi peluang bagi kekuatan manapun untuk menyaingi secara bererti parti yang didukung oleh pemerintah. Dibalik itu, pemerintah tidak akan mematikan kekuatan parti yang lain guna menjaga citra bahawa Indonesia tidak menganut sistem parti tunggal.

Keberanian pemerintah untuk menyatukan asas adalah dengan pertimbangan dukungan suara majoriti di parlimen. Oleh itu, keinginan pemerintah itu tidak mungkin dibendung oleh kekuatan manapun yang mencoba halangi. Dijangka PPP yang memiliki sikap kritis dalam mesyuarat MPR 1978 tidak akan mampu melakukan hal yang serupa pada mesyuarat MPR 1983 untuk menentang asas tunggal Pancasila. Betapa gigihnya pemerintah menyalakan keinginannya, seperti penegasan Presiden dengan perwiranan ABRI di Tapos-Bogor bahawa "kita tak perlu ragu-ragu

menghadapi segala pendapat dan tuduhan, biar sahaja, pokoknya kafilah jalan terus".⁴

Ditafsirkan rancangan pemerintah untuk meletakkan asas tunggal Pancasila ini adalah untuk mengelakkan benih-benih konflik yang berusaha meletakkan agama, khasnya Islam dalam pelebagaan politik pada tahun 1950an. Pada masa itu keinginan pihak kelompok Islam mendapat cabaran dari pihak nasionalis dan pihak-pihak yang berhaluan Kristian. Banyak pemerhati politik menilai bahawa pemerintah sedang berusaha kearah proses mengurangi pengaruh Islam dalam politik sebagaimana tersirat dalam pidato kenegaraan Presiden Suharto 16hb Ogos 1982 itu.⁵ Agaknya pemerintah juga tidak menerima paham-paham yang banyak digunakan dipelbagai negara. Paham itu telah memberi kesan tidak baik dalam sejarah politik Indonesia, seperti paham liberalis dan sosialis yang dikembangkan di negara-negara Barat. Paham komunis telah diharamkan semenjak ditubuhkannya pemerintahan Orde Baru.

A.1. Usaha Pemerintah Untuk Mencari Dukungan

Dalam pelbagai kesempatan Presiden Suharto berusaha meyakinkan para pendukungnya untuk dapat menerima asas tunggal Pancasila melalui pelbagai pertemuan sama ada resmi atau tidak resmi. Pertama, pada 17hb Julai 1983 Presiden mengadakan pertemuan tidak resmi dengan perwira kanan ABRI yang dipimpin oleh Panglima ABRI Jenderal TNI L.B.Moerdani di Tapos-Bogor. Dalam kesempatan itu Presiden Suharto mengatakan, ABRI harus mampu membrantas segala isu yang memperkecil, meremehkan,

mencurigai dan menentang Pancasila.⁶

Kedua, pada 27hb Julai 1983 Presiden Suharto dalam Mesyuarat Kerja Pusat Pepabri (Persatuan Purnawirawan ABRI) di Istana Jakarta, menjelaskan bahawa Pancasila dengan agama tidak bertentangan. Oleh itu semua kekuatan sosial politik untuk menerima Pancasila sebagai asasnya. Presiden juga mengajak para anggota ABRI yang sudah bersara itu untuk menghilangkan keragu-raguan serta kecurigaan, kerana masih ada yang ragu-ragu sehingga semua menerima Pancasila sebagai idiologi.⁷ Adanya yang masih ragu-ragu itu, dimaksud adalah golongan-golongan dari kalangan umat Islam yang pada masa pilihan raya banyak mendukung PPP atau bersikap 'Golongan Putih' (Golput). Dalam pidato kenegaraan Presiden bulan Ogos 1983 Suharto memberi jaminan terhadap parti politik dan Golkar bahawa mereka tetap memiliki pendekatan dan penekanan sendiri dengan menawarkan program masing-masing dalam pilihan raya.⁸

Ketiga, pada bulan September 1983 dihadapan pimpinan KNPI, (Komite Nasional Pemuda Indonesia) Presiden mengatakan bahawa asas tunggal Pancasila tidak menghilangkan keragaman yang ada ditanah air.⁹ Keinginan Presiden itu disambut dengan baik oleh pimpinan KNPI ini, kerana organisasi pemuda ini ditubuhkan oleh pemerintah dan memiliki fungsi sebagai penye-laras dari berbagai macam organisasi kepemudaan.

A.2. Konflik Akibat Asas Tunggal

Pada bulan Ogos 1982 media massa Indonesia menurunkan berita dari berbagai tanggapan anggota DPR atas amanat Presi-

den 16hb Ogos 1982 tentang asas tunggal Pancasila. Tokoh Golkar yang sangat setia dengan aspirasi Presiden menyatakan sejak semula Golkar menginginkan semua parti-parti politik hanya berasaskan Pancasila. Tokoh Golkar dan PDI di DPR sepakat bahawa jatuhnya korban yang cukup banyak selama pilihan raya 1982 akibat dari parti-parti politik terlalu menonjolkan asas ciri, seperti Islam oleh PPP.

Sementara dari tokoh PPP di DPR mempunyai pandangan yang sedikit berbeza antara kelompok NU dengan MI. Nuddin Lubis dari NU menyayangkan mengapa Presiden tidak secara tegas menolak asas ciri, seperti PDI menggunakan ciri demokrasi dan kebangsaan serta PPP menggunakan ciri keislaman.¹⁰ Suatu pertanda bahawa Presiden tidak akan menghilangkan sepenuhnya asas ciri. Sedangkan menurut Chalid Mawardi dari NU, menyatakan bahawa ciri keislaman itu merupakan karakter PPP yang terlihat dalam program dan bukan merupakan suatu asas. Sedangkan Yusuf Hasyim juga dari NU menyatakan dengan asas tunggal akan diperkirakan banyak anggota PPP akan pindah ke parti lain. Anjuran paduan asas parti itu adalah sekedar kelanjutan usaha untuk menjayakan ide parti tunggal yang berakibat tidak adalagi PPP, PDI dan juga Golkar.¹¹ Sementara Sudardji dari MI yang lebih berpihak kepada pemerintah mempunyai pendapat yang senada dengan tokoh-tokoh Golkar. Sekalipun dia menyatakan bahawa tidaklah mudah untuk pindaan ciri keislaman dalam PPP.

Tokoh NU yang berpengaruh diluar parlimen, Abdurrahman Wahid, Setia Usaha I NU menyatakan sepanjang PPP masih menggunakan asas Islam NU tetap dalam PPP. Namun jika kemudian hari

PPP menanggalkan asas Islamnya, maka NU akan memberi had hubungan politiknya pada PPP, dan akan bekerja sama dengan organisasi yang berasaskan Islam.¹² Dalam menanggapi keinginan Presiden Suharto, Abdurrahman Wahid menyatakan bahawa diperlukan dialog yang berasaskan kejujuran dan terbuka. Dia balik bertanya apa salahnya kalau tujuan parti-parti ada yang Islam, nasionalis dan kekaryaan, walaupun semuanya sudah memiliki aspirasi idiologi Pancasila.¹³ Agaknya sikap NU yang dikemukakan Abdurrahman Wahid sebagai suatu sikap kecewa atas kepemimpinan PPP dibawah Naro. Sehingga membuka laluan bagi saling mendekati antara NU dengan pemerintah. Dengan ini pemerintah merasa yakin bahawa NU sebagai organisasi Islam terbesar yang memiliki ikatan tradisional yang kental diharapkan dapat mendukung keinginan pemerintah.

Pada akhirnya J.Naro, Ketua Umum PPP menyatakan bahawa partinya akan membahas masalah asas tunggal itu dalam mesyuarat DPR. Namun pada hakekatnya kalau asas tunggal itu tidak menghilangkan keislamannya PPP tidak akan menolak.¹⁴ Penegasan J.Naro ini disifatkan betapa lemahnya PPP apabila ciri keislamannya ditanggalkan kerana kekuatan PPP selama ini terletak pada primordial keislaman. Banyak pemerhati menilai bahawa Naro agaknya sedang mengalami kebimbangan, sama ada menuruti keinginan pemerintah atau memperhatikan pengikut tradisionalnya. Dirasakan bahawa Naro sedang meninggalkan pembangkangnya di DPR, Naro juga kurang cekap untuk memisahkan agama dengan politik dan diragukan apakah dia akan dapat mewakili Islam. Semua ini akan berfaedah bagi pemerintah.¹⁵

Keinginan asas tunggal Pancasila dalam parti-parti, dengan harapan akan keterbukaan. Sarwono Kusumaatmaja dari Golkar menaruh harapan. Apabila Pancasila telah dinyatakan sebagai satu-satu asas, maka gejala-gejala campur tangan pemerintah dalam kehidupan sosial-politik nantinya tidak dapat diterima lagi. Harapan untuk memfungsikan parti-parti agar dapat mengendalikan negara dan bukan kekuasaan yang mengendalikan parti-parti. Jika semua parti berasaskan satu Pancasila, maka semua parti-parti adalah pembela Pancasila. Oleh itu peranan ABRI dalam politik bisa dikurangi, jika tidak akan memberi kesan menumbuhkan militerisme. Kadar demokrasi Indonesia akan meningkat apabila peranan ABRI dikurangi.¹⁶

Chalid Mawardi dari PPP (NU), menaruh harapan agar adanya keterbukaan dalam erti luas, meliputi keterbukaan dalam proses pengambilan keputusan dalam parti. Keanggotaan parti terbuka bagi semua warga negara termasuk pegawai kerajaan. Dia menginginkan parti-parti masuk ke desa-desa agar massa rakyat pedesaan tidak mempunyai ikatan primordial.¹⁷ Beberapa tokoh PPP tampaknya sepakat untuk menerima asas Pancasila. Adapun yang menjadi persoalan adalah apakah massanya akan menerima. Hal ini terlalu sulit untuk dilihat kerana massa yang telah terlanjur 'mengambang'. Kekuatan parti hanya sampai pada daerah tingkat II, (setingkat dengan bandar menengah).

Tidak ada tanggapan yang mencabar dari tokoh-tokoh parti terhadap asas tunggal Pancasila, menyifatkan betapa kuatnya kekuatan pemerintah. Sikap kritis dan militan dari tokoh-tokoh parti sebelumnya semakin menjauhkan mereka dari pemerintah.

Sebaliknya ada kecenderungan dari mereka berubah kearah menyesuaikan diri dengan kemahuan pemerintah.

Bulan Mac 1983 MPR telah berjaya menetapkan suatu keputusan tentang Pancasila satu-satunya asas bagi kekuatan sosial politik dalam GBHN (Garis-garis Besar Haluan Negara). Oleh itu merupakan mandat kepada Presiden untuk diterjemahkan kedalam bentuk undang-undang, iaitu undang-undang pilihan raya, undang-undang parti politik dan referendum.¹⁸ Mesyuarat MPR 1983 tidak mendapat cabaran dari PPP dan PDI. Kedua fraksi ini lebih baik bersikap diam dan menunggu dengan harapan untuk ikut serta dalam kabinet. Ada yang menganggap kerana di MPR sudah tidak ada lagi tokoh-tokoh kritis, khasnya dalam PPP yang telah berjaya diketepikan dengan kepimpinan Naro.

A.3. Kuatnya Pengaruh Golkar

Kemenangan Golkar dalam tiga kali pilihan raya selama pemerintah Orde Baru menambah keyakinan kepada Golkar untuk lebih berani secara terang-terangan memperjelas strategi dan gerakannya dalam menghadapi dua kekuatan lain.¹⁹ Hal ini telah dibuktikannya dalam mesyuarat MPR 1983 yang dianggap paling licin tanpa hambatan dari parti-parti yang lain. Kenyataan ini mendorong para tokoh Golkar untuk lebih berjaya dalam menghadapi Musyawarah Nasional (Munas) dengan mencalonkan Sudharmono, Menteri Setia Usaha Negara yang dianggap paling dekat dan mengerti kehendak Presiden Suharto untuk menduduki Ketua Umum Golkar untuk periode yang akan datang.²⁰ Sedangkan untuk menduduki Ketua Dewan Pembina Golkar dengan kekuasaan

yang besar satu-satunya calon, iaitu Presiden Suharto.

Sudharmono bukanlah seorang ABRI tulen yang didampingi pula seorang Setia Usaha Umum, Sarwono Kusumaatmaja, berasal dari sivil, belum menunjukkan bahawa berkurangnya pengaruh ABRI dalam Golkar. Munas III Golkar berjaya mencantumkan 'Dwifungsi' ABRI dalam pelebagaan parti.²¹ Hal ini bererti membenarkan anggapan banyak orang bahawa kemenangan Golkar dalam beberapa kali pilihan raya berkat dukungan ABRI dan Korpri, (Korp Pegawai Republik Indonesia) sehingga Golkar belum benar-benar berdikari dan berakar pada rakyat.

Walaupun tajuk rencana surat khabar Hongkong *South China Morning Post*, pada 1hb November 1983 menilai bahawa Presiden Suharto sedang melangkah untuk meletakkan Indonesia dibawah pemerintah sivil. Melihat catra Dewan Pimpinan Pusat (DPP) Golkar yang baru 29 dari 45 kursi diduduki tokoh muda sivil. Padahal sebelumnya majoriti pimpinan dipegang oleh kaum militer profesional.²² Namun pendapat itu kurang beralasan sebab posisi penting dalam Golkar masih tetap dipegang oleh tokoh kanan ABRI. Bahkan salah satu tugas Ketua Umum adalah menjalin hubungan baik dengan pemerintah dan lembaga tinggi negara serta membina fraksi Golkar di parlimen. Agaknya tugas itu dibebankan pada Sukarton Marmosudjono, pembantu Menteri/Setia Usaha Negara, kerana masih ABRI aktif dia tidak duduk dalam pengurusi Golkar.²³ Di duga bahawa tokoh-tokoh muda sivil hanyalah sebagai pendamping, tetapi hal itu sudah merupakan suatu langkah maju bagi tokoh-tokoh sivil.

Sesuatu hal cukup menarik dalam senarai DPP yang belum

pernah terjadi sebelumnya, pengaruh CSIS, (kelompok Ali Murtopo) yang pernah menjadi asisten pribadi Presiden tampak merosot. Sekalipun mendapat kesan semua kelompok terwakili. Agaknya setelah asas tunggal Pancasila dapat lebih menarik pemilih Islam yang sebelumnya kurang berkesan dengan kelompok CSIS.

Dibawah kepemimpinan Sudharmono sistem keanggotaan baru secara sukarela diperkenalkan, sehingga dalam teorinya orang boleh memilih masuk anggota Golkar atau parti lain. Namun dalam prakteknya banyak dari unsur pegawai kerajaan dan swasta menjadi ahli Golkar. Pada bulan Mac 1984 lima belas pengusaha besar yang dipimpin oleh Ketuanya Fahmi Idris, sebagian bekas pejuang Orde Baru secara resmi menyatakan diri sebagai anggota Golkar. Diperkirakan 45,000 pekerja dan keluarga mereka juga akan ikut bergabung. Alasan mereka untuk melihat arah perjuangan Golkar dan menghindari tuduhan bahawa mereka mempunyai hubungan yang dekat dengan kelompok Islam pembangkang.²⁴

Menjelang pertengahan tahun 1984 dibandaraya-bandaraya telah dilakukan pendaftaran anggota dari kelompok korporat yang tergabung dalam KADIN, (Kamar Dagang dan Industri) dan kaum intelektual. Ada yang merasa ditekan menjadi anggota Golkar. Di Jakarta sendiri sekitar 169,000 borang disebarkan pada awal tahun 1984 dan hingga Jun 1984 sebanyak 65.000 diantara sudah kembali.²⁵

Setelah diberlakukan undang-undang kegiatan politik yang menyatakan asas tunggal Pancasila, banyak pemerhati menyatakan bahawa para pemilih awam akan kebingungan untuk memilih parti-parti kerana semuanya telah memiliki asas yang sama. Jika hal

itu benar maka Golkar telah mengayunkan suatu langkah baru, diantaranya menjelang pilihan raya 1987 Golkar telah membentuk lapan juta 'Kader Pengerak Teritorial Pedesaan' (Karakterdes). Mereka telah dididik selama tiga hari tentang pengetahuan organisasi Golkar, setiap 'Karakterdes' harus mampu merayu tujuh pemilih agar memilih Golkar.²⁶

Masyarakat Indonesia mengalami proses "Golkarisasi" pada tahun 1987, Sudharmono menyatakan bahawa Golkar telah memiliki 28 juta anggota dan diperkirakan sembilan juta diantaranya adalah para kader. Golkar memiliki cara baru dengan mengikutsertakan kaum wanita dan golongan muda bersama tokoh-tokoh tua yang ternama. Menurut Sukardi, Ketua fraksi Golkar di DPR persyaratan yang digunakan Golkar untuk memilih calon-calonnya adalah "reputasi, dedikasi, kesetiaan dan tidak memalukan", bila tidak memenuhi persyaratan itu tidak akan dicalonkan menjadi anggota parlimen. Sebagai contoh para anggota DPR dari Riau yang telah memilih seorang sivil yang mendapat dukungan setempat sebagai Gubernur berbanding dengan seorang bekas Jeneral, nama mereka telah dicoret dalam senarai daftar.²⁷

Setelah pilihan raya 1982 PPP masih berkeselamatan konflik dalaman, apalagi oleh faktor penerimaan yang tidak sama kepada asas tunggal Pancasila. NU menarik diri dari parti itu, beberapa pemimpin NU bergabung dengan Golkar dan menyerang PPP. Hal ini sangat menguntungkan Golkar kerana sebagian massa pendukung PPP sudah beralih kepada Golkar.

A.4. Kaburnya Aliran dalam PPP

Bertindak melalui kakitangannya, yang ditafsirkan adalah J.Naro dalam MI, pemerintah berusaha mengecilkan pengaruh NU dalam PPP dengan menyusutkan kerusi DPR secara terus menerus dan posisi pimpinan parti untuk NU. Upaya ini semakin intensif setelah faksi NU melakukan keluar dalam majlis umum MPR tahun 1978. Presiden Suharto dikhabarkan menganggap protes tersebut sebagai penghinaan pribadi, sebagai bukti pembangkangan tokoh-tokoh Islam.²⁸ Pertengahan 1980an NU melakukan sikap yang serupa tatkala dalam acara pengesahan pindaan UU Pilihan Raya dan beberapa sikap kritis lainnya. Sikap ini membuat pemerintah mencurigai NU atas penerimaannya terhadap Orde Baru.

Ketidaksenangan pemerintah pada perilaku anggota PPP yang berhaluan keras, bagi Naro dan rekannya dalam MI dijadikan bahan untuk 'peng-Ordebaru-an' PPP. Cara yang ditempuh dengan membersihkan mereka yang berhaluan keras dari 'Daftar Calon Sementara' (DCS) dalam pilihan raya 1982. Naro tanpa berkonsultasi dengan unsur NU telah menyingkirkan 29 tokoh NU dari calon utama.²⁹ Faksi-faksi pemerintah di parlimen cenderung memberi dukungan kepada MI sehingga memenangkan setiap pertikaian. Walaupun unsur NU di PPP lebih banyak, 45 orang sedangkan MI hanya 34, akan tetapi para tokoh NU ini lebih cenderung menyesuaikan diri dengan perilaku Ketua Umum PPP, J.Naro.

Bebasnya anggota PPP dari tokoh-tokoh berhaluan keras berakibat mesyuarat MPR 1983 diliputi oleh suasana tenang, damai serta tanpa cabaran. Padahal masalah yang diperbincangkan akan lebih berat dari mesyuarat MPR 1978, kerana dengan

as tunggal Pancasila berakibat PPP harus menanggalkan ciri Islamannya. Beberapa pemerhati merasa heran dengan sikap PPP karena justru yang bersuara keras menanggapi asas tunggal ini kebanyakan orang yang berhubungan dengan pemerintah. Mengapa pemimpin PPP tidak bersuara, ini bukan masalah besar bagi masyarakat banyak, melainkan bagi PPP sendiri.³⁰

Setelah selesai mesyuarat MPR 1983 Naro memang sedang dalam puncak kekuasaannya. Sehingga pada bulan September 1983 menyatakan setuju atas tuntutan untuk mengadakan Muktamar, (institusi kuasa tertinggi parti). Naro selama ini selalu berusaha menunda Muktamar guna mempertahankan kuasanya.³¹ Menjelang Muktamar 20-23hb Agos 1984 diadakan pertemuan para ketua Dewan Perwakilan Wilayah (DPW) PPP se-Jawa yang berasal dari Tokoh NU. Pertemuan menyatakan 'keprihatinan' terhadap PPP yang dinilai belum mempunyai peranan dalam menyalurkan aspirasi rakyat. Ketua Umum, John Naro serta Idcham Chalid, Presiden Parti yang juga berasal dari NU dinilai tidak memenuhi syarat.

Usaha tokoh-tokoh NU untuk mencoba menyingkirkan Naro pada Muktamar I 1984 ternyata tidak berjaya. Sebaliknya NU malah besar dari MI kerana sebelumnya tokoh-tokoh yang terkecuka dari NU telah dibersihkan oleh Naro. Namun hal ini tidak mererti persoalan yang dihadapi oleh Naro sudah tidak ada. Beberapa bulan setelah Muktamar I timbul kekecewaan dari bekas para pendukungnya yang berasal dari unsur MI sendiri kerana pengurus PPP tidak memuaskan semua pihak.

Tokoh-tokoh PPP termasuk dari kalangan MI sendiri kurang

memiliki penafsiran yang sama dari kemahuan pemerintah tentang asas tunggal Pancasila. Sekalipun semua sepakat untuk menerima. Pada bulan Ogos 1983 sudah mulai muncul benih pertikaian iaitu Sudardji sebagai orang kepercayaan Naro menyatakan pendapatnya kepada surat khabar bahawa dengan diterimanya Pancasila sebagai satu-satunya asas, PPP harus siap mengganti tanda gambar Ka'bah dengan yang baru.³² Pernyataan itu langsung membuat marah tokoh-tokoh PPP sama ada dari unsur NU mahupun dari MI termasuk Naro sendiri.

Pada waktu memperbincangkan RUU Pilihan Raya di Parlimen pertengahan tahun 1985, konflik dalaman PPP semakin ketara. Sikap konserfatif Naro yang masih mempertahankan tanda gambar Ka'bah dinilai oleh banyak pemerhati sebagai langkah yang salah. Sebuah sumber pemerintah mengungkapkan, pemerintah agaknya merasa jengkel kepada Naro kerana dianggap menyulitkan pemerintah. Dengan ini kelompok pembangkang dan tokoh-tokoh NU semakin keras menentang Naro.

Pada pertengahan tahun 1986 menjelang pilihan raya banyak warga NU di Jawa barat dan Jawa Tengah dikhabarkan menyeberang ke Golkar.³³ Penyeberangan warga NU kepada Golkar telah diawali pertengahan 1985 sampai menjelang pilihan raya 1987 sehingga beberapa tajuk media massa, khasnya *Tempo* menulis "berteduh di bawah pohon beringin", pokok beringin ialah tanda gambar Golkar, "Pondok-pondok yang berpaling", "Santri di antara Beringin dan Bintang", bintang ialah tanda gambar baru dari PPP. Walaupun demikian satu-satunya tokoh NU yang berpengaruh, iaitu K.H.Syamsuri Badawy, dari Jawa Timur masih

tetap di PPP dengan alasan bahwa PPP masih dianggap parti Islam. Dia menghimbau agar warga NU jangan meninggalkan PPP.³⁴

Tahun 1987 tokoh-tokoh terkemuka NU menjelajahi seluruh pelosok negeri mengabarkan para anggota dan pendukungnya bahwa "Tak wajib mengundi PPP, tak haram mengundi Golkar, tak jahat mengundi PDI".³⁵ Pesan itu secara tersirat untuk memilih Golkar dan berjuta-juta pemilih NU mengikuti garis ini.

Kekalahan PPP merupakan kemenangan NU. Pemimpin NU memberikan suara kepada Golkar, sehingga meningkatkan pengaruhnya dalam sistem politik. Sekolah-sekolah dan gurunya sekarang menjadi sasaran sumbangan pemerintah, bukan permusuhan. Beberapa anggotanya berpengaruh di dalam Golkar, akan diberi posisi pemimpin. Pelajaran ini tidak diabaikan begitu sahaja oleh pegawai-pegawai pemerintah dalam kempen pilihan raya 1987, sebelumnya bisa secara langsung membandingkan kedalaman kesetiaan kepada NU dengan kedangkalan kepada Golkar.³⁶

A.5. Usaha Pengukuhan PDI

Selama perjalanan politik, PDI selalu dihadapkan pada berbagai masalah, seperti masalah konflik dalaman, masalah identiti parti dan lain sebagainya. Pertikaian dalam PDI lebih banyak melibatkan tokoh-tokoh unsur PNI. Dalam memasuki masa 1980-an disaat pemerintah menegaskan asas tunggal Pancasila, penampilan konflik berwawasan kepentingan pribadi mewarnai PDI dalam Kongres Ketiga, 15-17hb April 1986. Saat Kongres gagal memilih Ketua Umum DPP PDI yang baru untuk menggantikan Sunawar Soekowati yang meninggal dunia. Akibatnya, Menteri Dalam

Negeri terpaksa turun tangan. Kemudian terbentuklah DPP PDI dibawah pimpinan Soerjadi, yang dilahirkan pemerintah.³⁷ Padahal nama Soerjadi tidak diunggulkan. Justru yang semula dianggap sebagai calon kuat, iaitu Hardjontho Sumodisastro, salah satu Timbalan Ketua DPR-RI 1982-1987 tidak terpilih.

Terpilihnya Soerjadi sebagai Ketua Umum PDI diikuti dengan pengurus-pengurus muda, mereka umumnya para korporat profesional, seperti B.N. Marbun, Marcel Beding, (wartawan kanan *Kompas*). Nico Daryanto, yang menduduki Setia Usaha Agung serta Kwik Kian Gie, seorang korporat dan ahli ekonomi menduduki tugas sebagai Ketua Badan Penelitian dan Pengembangan PDI. Sewaktu diadakan temuduga oleh wartawan *Tempo* bulan Mei 1986 Soerjadi menyatakan tidak adalagi soal unsur dalam tubuh PDI dan dia akan berusaha menemukan ciri sebagai parti.

Menjelang pilihan raya 1987 perkembangan politik dalam negeri Indonesia banyak menguntungkan untuk PDI. Pertama, akibat perpecahan dalam PPP sebagian pendukungnya menyalurkan aspirasinya ke PDI selain ke Golkar. Kira-kira satu bulan menjelang diadakan kempen pilihan raya 1987. Ketua Umum PDI, antara lain bersama Megawati, anak perempuan bekas Presiden Sukarno mengunjungi sejumlah Pesantren, serta menemui tokoh tua NU yang berpengaruh. Kegiatan pengumpulan massa PDI selalu diwarnai dengan acara bernaafaskan Islam, suatu taktik PDI untuk merangkul NU. Malah Marsoesi, Ketua Dewan Pimpinan Daerah PDI Jawa Timur, menganjurkan muslim PDI masuk NU.³⁸

Kedua, berkenaan dengan sikap ABRI lebih bebas apabila dibandingkan pilihan raya sebelumnya. Dalam suatu pertemuan

DPP, dan DPD PDI di Jakarta pada akhir tahun 1986 Panglima ABRI Jenderal L.B.Moerdani ikut hadir dengan memberikan ucapan bahwa "rakyat kini menaruh harapan baru kepada PDI". Pernyataan ini dibalas oleh Soerjadi bahwa PDI tidak perlu lagi ditakuti dan dicurigai.³⁹ Hal ini ternyata mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap kenaikan pendukung PDI. Bahkan sementara kalangan berpendapat bahwa ABRI dan pemerintah secara tidak langsung sebenarnya memberikan dukungan bagi PDI.⁴⁰ Disifatkan pengurus PDI sebagai hasil penubuhan pemerintah, tidak berbahaya terhadap pemerintah.

Ketiga, berkaitan dengan sikap media massa, selain Golkar, PDI termasuk yang diuntungkan oleh surat khabar yang diurus oleh syarikat swasta, seperti *Kompas*, *Prioritas*, (sudah diharamkan), *Merdeka* dan *Tempo*, yang lebih berkesan kepada PDI berbanding PPP. Hal ini juga dimungkinkan kerana B.M.Diah, seorang tokoh PNI yang memiliki akhbar *Merdeka* serta Marcel Beding sebagai wartawan kanan *Kompas* yang menjadi salah seorang pengurus DPP PDI.

Keempat, menjelang pilihan raya 1987 DPP PDI berjaya mengajak anak-anak bekas Presiden Sukarno. Sekalipun dua orang yang terlibat langsung, iaitu Megawati dan Guruh. Hal ini suatu cara untuk menarik kembali para bekas pendukung PNI dan membangkitkan kembali nostalgia kebesaran parti pada masa lalu. Pada kempen pilihan raya gambar Bung Karno bermunculan dipelbagai tempat, menurut pemerhati hal ini sangat menarik bagi kaum muda bahawa mereka membutuhkan tokoh-tokoh idaman.⁴¹

B. Pembentukan Semula Organisasi Masyarakat

Setelah berlakunya secara tegas asas tunggal Pancasila kepada parti-parti. Timbul berbagai pertanyaan bercampur kegelisahan, apakah asas tunggal Pancasila juga diterapkan kepada organisasi sosial kemasyarakatan, (organisasi massa atau ormas).⁴² Pelbagai penafsiran timbul dari pemerhati. Pendapat Hardi SH, seorang bekas Timbalan Perdana Menteri tahun 1950-an dan tokoh parti nasionalis menyatakan bahawa ormas tidak terkena ketentuan mengenai Pancasila sebagai satu-satunya asas, tetapi hanya dikaitkan dengan parti politik dan Golongan Karya.⁴³ Dr.Victor Tanja, seorang intelektual yang mengkaji tentang HMI, menyatakan bahawa asas tunggal sebaiknya hanya diberlakukan kepada ormas yang berhubungkait dengan parti-parti. Sedangkan ormas bebas tidak berlaku kerana dapat diserahkan kepada tanggung jawab masing-masing dari pada anggotanya sebagai warga negara terhadap negara.⁴⁴ Lain lagi dengan pidato Menteri Agama, Munawir Zadjali menegaskan bahawa yang dimaksud dengan asas tunggal Pancasila hanya untuk organisasi politik, tidak mengenai organisasi keagamaan.⁴⁵

Beberapa pemerhati lain nampaknya lebih mendukung pelaksanaan asas tunggal, seperti Prof.Dr. Harun Nasution, Rektor Institut Agama Islam Negeri Jakarta asalkan pelaksanaan dengan cara rayuan.⁴⁶ Dalam pelbagai kesempatan pemerintah menyatakan bahawa asas Pancasila tidak ada niat untuk mengenenepikan sesuatu golongan atau agama. Asas tunggal Pancasila juga berlaku bagi ormas. Walaupun beberapa Menteri pada akhir tahun 1983 yang dipimpin Supardjo Rustam, Menteri Dalam Negeri sedang

mempersiapkan langkah-langkah yang diambil untuk rencana undang-undang tentang Ke-ormas-an yang akan menetapkan Pancasila sebagai satu-satunya asas.⁴⁷

B.1. Asas Tunggal dalam Pelbagai Sikap Politik Ormas

Ormas yang lebih banyak menimbulkan masalah kepada asas tunggal adalah ormas berasaskan Islam, khasnya yang memiliki hubungkait dengan PPP, seperti NU, sebagai unsur terbesar dalam PPP dan mempunyai ikatan tradisonal yang kuat dengan pengikutnya. Muhammadiyah juga, tetapi organisasi ini telah menyatakan diri sebagai ormas berkecuali, tidak memiliki ikatan dengan parti politik. Kedua ormas Islam ini sangat mendapat perhatian pemerhati politik dan media massa, kerana keduanya memiliki anggota yang banyak dengan gambaran nostalgia masa lalu dari kejayaan Masyumi dan NU ditahun 1950-an.

Silang pendapat bermunculan dalam ulama NU tentang asas Pancasila, antara kelompok idealis dengan realis. Setelah menemui Presiden Suharto bulan Ogos 1983 ada isyarat meningkatnya hubungan baik dengan pemerintah. Ulama kanan NU menyatakan bahawa umat Islam Indonesia wajib menerima Pancasila dan haram hukumnya bila menolak. Tiga puluh tujuh ulama dengan 36 Pesantren dari Madura, membuat pernyataan bahawa 'Musyawarah Nasional' tidak akan menerima asas tunggal Pancasila sebagai asas NU, sebelum RUU Keormasan menjadi undang-undang.⁴⁸ Pada 18-21hb Disember 1984 diselenggarakan Munas Ulama NU, setelah menjalani perdebatan yang panjang. Akhirnya kerana dukungan ulama kanan NU asas tunggal Pancasila diterima dalam Mukaddimah Konstitusi NU, sedangkan identiti Islam dicantumkan dalam

haluan NU yang berakidah "ahlussunnah wal jamaah".⁴⁹ Munas NU telah memberikan isyarat kepada warganya untuk bebas menentukan pilihan politiknya, merupakan pertanda keluarnya NU dari PPP. Kegembiraan pemerintah semakin bertambah, apabila Mukhtar NU setahun kemudian iaitu bulan Disember 1984 memperkukuh asas Pancasila, NU berniat akan menjauhi politik praktis, kembali ke Kithah 1926 sebagai organisasi bukan politik.

Berbagai ormas telah menerima asas tunggal Pancasila yang diakhiri oleh Muhammadiyah. Sebelumnya Ketua Umum Muhammadiyah A.R.Fachruddin telah bertemu dengan Presiden Suharto agar bersedia meresmikan Muktamar ke-41 pada 1-11 hb Disember 1985. Perjumpaan yang saling penuh pengertian, sehingga Pelembagaan Muhammadiyah dipinda menyerupai Pelembagaan MUI, (Majlis Ulama Indonesia), yakni: berakidah Islam yang bersumber Qur'an dan sunah rasul, dan berasas Pancasila sebagai asas bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.⁵⁰ Muhammadiyah menerima asas Pancasila setelah keluarnya Undang-undang Keormasan. Hal ini bermakna Muhammadiyah menjaga dirinya sebagai ormas berkecuali, tidak terlalu mengalami perubahan sikap kerana perubahan politik, disamping tidak memberi kesan kurang mematuhi undang-undang.

B.2. Penolakan Asas Tunggal Pancasila

Kongres ke-15 HMI pada bulan Mei 1983 di Medan suatu ormas kepemudaan yang terbesar yang banyak melahirkan tokoh nasional menyatakan dalam pelembagaannya bahawa HMI tetap tidak merubah asas Islam, sebagaimana diharapkan oleh Menteri Belia dan Sukan, Abdul Gafur, yang juga seorang bekas tokoh

HMI. Alasannya adalah kerana Kongres menganggap terlalu cepat dan belum ada landasan formalnya.⁵¹ Disamping itu Monang Djihado, Ketua bidang Organisasi PB HMI berucap kepada wartawan *Tempo* bahawa berkaitan erat dengan nilai-nilai dasar perjuangannya, iaitu 'Al-Qur'an dan Hadis', seandainya asas berubah akan mempengaruhi kegiatan sehari-hari.⁵² Keputusan Kongres HMI membuat marah pemerintah. Nampaknya asas tunggal Pancasila ini adanya unsur pemaksaan dari atas, suatu cara yang tidak diinginkan, HMI menginginkan penerimaan asas itu kerana dorongan dari bawah.

Pada Bulan Jun 1983 iaitu, sebulan setelah HMI berkongres Menteri Belia dan Sukan mengeluarkan pernyataan bahawa organisasi massa pemuda yang tidak menerima asas Pancasila dalam konstitusinya tak diberi izin berkongres. Pada bulan Disember 1983 Presiden Suharto menyatakan dalam pidato 'Maulud Nabi Muhammad SAW' bahawa untuk membangun masyarakat Pancasila yang sosialis-religius, kita memandang perlu lebih memantapkan Pancasila sebagai asas politik dan kemasyarakatan bangsa. Selanjutnya Menteri Setia Usaha Negara, Sudharmono menyatakan adanya unsur-unsur masyarakat yang belum menerima Pancasila menjadi sumber ancaman stabiliti nasional. Dia menyatakan bahawa adanya ormas yang belum menerima Pancasila akan mendapat hukuman, sekurang-kurangnya akan diketepikan.⁵³

Ancaman pemerintah ini ditanggapi dengan dua bentuk perilaku ormas kepemudaan. Pertama, sikap menyerah diri dengan kemauan pemerintah. Hal ini tampak dari ormas kepemudaan am yang dianggap kurang memiliki massa pendukung yang jelas.

Kedua, sikap bertahan, tampak dikalangan ormas kemahasiswaan luar universiti yang memiliki dukungan massa yang kuat. Walaupun memiliki paham yang sama, seperti paham sosialis Indonesia. GMNI, (Gerakan Mahasiswa Nasional Indonesia) lebih kritis daripada GPM, (Gerakan Pemuda Maehaenisme).⁵⁴

Pada 24-31 hb Mac 1986 kembali dilaksanakan Kongres HMI di Padang. Sebelumnya telah terjadi perpecahan seputar masalah asas tunggal Pancasila. Sembilan cawangan terbesar, membentuk sebuah lembaga yang bernama 'Majelis Penyelamat Organisasi', bertujuan tidak menerima asas tunggal Pancasila.⁵⁵ Sekalipun kongres telah menerima Pancasila kerana takut diharamkan. Namun telah melahirkan kelompok pembangkang dan kelompok moderat, dalam waktu yang singkat sulit untuk dipertemukan. Ditafsirkan melemahnya sikap HMI yang nampak dari kelompok moderat, mereka ingat kepada peristiwa sejarah HMI pada masa pemerintahan Sukarno tahun 1960an. Pemerintah masa itu menca-
bar keberadaan HMI. Tinggal selangkah lagi HMI diharamkan tetapi dengan kemampuannya menjalankan taktik, HMI dapat mengambil sikap mematuhi kehendak pemerintah Sukarno. Sedangkan kelompok pembangkang dalam HMI, agaknya mengingatkan akan sejarah penubuhannya. Pada tahun 1947 HMI berasaskan nasionalis yang membawa HMI terbabit dengan sentimen politik praktis, berakibat kemunduran dalam perjuangannya. Untuk itu kelompok pembangkang ini ingin tetap menggunakan asas Islam.⁵⁶

Lain halnya dengan organisasi PII, (Pelajar Islam Indonesia). Walaupun tidak memiliki massa yang banyak, namun telah melahirkan tokoh-tokoh parti Islam PPP, seperti Hartono,

Aisyah Amini dan Husnie Thamrin. Agaknya mereka merelakan atas organisasi itu diharamkan pemerintah kerana tidak mahu menerima asas tunggal Pancasila pada tahun 1987, tanpa melakukan sebarang cabaran yang bererti terhadap pemerintah.⁵⁷

B.3. Asas Pancasila dan Kelompok Militan

Pada 12hb September 1984 terjadilah kerusuhan, jatuhnya korban jiwa akibat timbulnya pelanggaran antara militer dan kerumunan massa di Tanjung Priok, (Utara Jakarta). Peristiwa ini berpunca pada anti-pemerintah, termasuk tidak menerima asas tunggal Pancasila. Pengeraknya ialah 'ustad-ustad' yang memberikan pengajian di Mesjid di kawasan Tanjung Priok. Barangkali mereka khawatir bahawa RUU Pancasila akan membuat mereka kehilangan identiti dan semakin memperlemah kekuatannya. Beberapa jam sebelum rusuhan para 'ustad' yang memiliki latarbelakang Islam yang kental, menandatangani "Ikrar umat Islam Jakarta yang menolak asas Tunggal Pancasila dan RUU Keormasan". Pemerintah menuduh peristiwa itu didukung oleh komunis yang menyamar sebagai ulama.⁵⁸ Sebulan kemudian Oktober 1984 tiga bom meledak di Jakarta dengan sasarannya tiga pejabat cawangan Bank Central Asia, pemiliknya Liem Siu Liong seorang yang dekat dengan Presiden Suharto. Diduga peristiwa ini ada hubungkait dengan kerusuhan di Tanjung Priok.⁵⁹ Kenyataan oleh L.B.Murdani, Panglima ABRI bahawa kelompok militan ini telah diberi semangat memacu kerumunan massa untuk mencahar Pancasila. Terbabitnya dua tokoh pembangkang dari 'Petisi 50', satu diantaranya terbabit dengan peristiwa Tanjung

Ok.⁶⁰ Bulan Oktober 1984 beredar tulisan anti-pemerintah. Berbagai bandaraya di Jawa, Jakarta muncul tulisan gelap dengan tajuk "Lembaran putih Peristiwa Tanjung Priok", diduga melibatkan anggota 'Petisi 50'. Tulisan itu berisi membantah keterangan pemerintah tentang peristiwa Tanjung Priok.⁶¹

Peristiwa Tanjung Priok menyebar ke Jawa Tengah dengan rangkaian peledakan bom di candi Brobudur, Basam dan gereja Malang Jawa Timur. Pelakunya menyatakan perbuatan itu dilakukan kerana pemerintah saat ini mengenyepikan umat Islam dengan memaksakan asas tunggal Pancasila. Perbuatan itu dilakukan untuk mendapat perhatian dunia bahawa di Indonesia ada pergolakan melawan pemerintah.⁶² Akibat rangkaian keruhan menyulitkan umat Islam, banyak ulama-ulama yang dicurigi. Mereka harus mendapat izin dari pemerintah untuk berdakwah. Walaupun pemerintah pada asasnya mempertahankan kebebasan dakwah asal tidak bertentangan dengan Pancasila dan UUD 1945.

Pemerintah nampak tidak akan berundur membrantas kelompok-kelompok pembangkang dan militan anti asas tunggal Pancasila. Mereka yang terbabit telah diadili dengan dikenakan hukuman, mulai dari hukuman mati sampai kepada hukuman penjara. Tokoh pembangkang terkemuka Jenderal H.R.Dharsosno, bekas Ketua Usaha Agung ASEAN dan Sanusi bekas Menteri dianggap terbabit. Mereka akhirnya diadili dan dijatuhi hukuman penjara. Masalah ini nampaknya bagi pemerintah tidaklah terlalu berat, mengingat semakin besarnya dukungan untuk menerima asas tunggal Pancasila dari tokoh-tokoh politik.

Pemerintah tampaknya percaya bahawa stabiliti politik

pat terjamin apabila Pancasila telah diterima menjadi asas
nua parti politik dan organisasi masyarakat. Sikap muslim
rhadap Pancasila merupakan suatu faktor yang mempengaruhi
abiliti. Agaknya kekhawatiran pemerintah itu menurut tokoh-
koh Islam, seperti Abdurrahman Wahid dan Nurcholis majid
dak beralasan: Sudah terjadi perubahan pandangan umat Islam,
itu aspirasi negara Islam tampaknya sudah semakin jauh
tinggalkan. Saat ini banyak orang berpegang pada ide masya-
kat Islam dan bukan negara Islam.⁶³

Agaknya pemerintah telah yakin bahawa asas tunggal Panca-
la dapat diterima oleh organisasi masyarakat tanpa cabaran
ng bererti. Pemerintah membuat serangkaian kebijaksanaan
arah itu. Pertama, pemerintah telah melaksanakan pendidikan
ncasila (Penataran P-4) kepada semua pegawai kerajaan dan
lbagai tokoh masyarakat. Kedua, pemerintah telah menetapkan
dang-undang Pokok Pers tahun 1982 dengan menjadikan Pancasi-
sebagai asas pers nasional, dengan "SIUPP", (surat izin
aha penerbitan pers) sebagai alat untuk mengawal syarikat
rat khabar sesuai dengan program pemerintah. Ketiga,
merintah telah mewajibkan memberi pengajian Pancasila kepada
tiap peringkat sekolah sama ada kerajaan ataupun swasta.

Asas Tunggal dan Pilihan Raya 1987

Dalam pidato 16hb Ogos 1982, Presiden menunjuk jatuhnya
urban dalam pilihan raya 1982, akibat perbuatan militan
sur-unsur parti selama kempen pilihan raya. Pemerintah sudah
anggap cukup jumlah tiga parti, yang masih diperlukan lagi

adalah masalah asas ciri yang dianutnya. PPP dan PDI masih mencantumkan asas ciri Islam dan Marhaenisme di samping Pancasila. Rupanya PPP dan PDI tidak sulit mengambil sikap, segera setelah pidato Presiden itu PDI dan PPP menyatakan menerima Pancasila sebagai asas tunggal parti mereka. Kedua parti ini diduga sudah membaca kekuatannya bahawa tidak akan mampu berbuat banyak melihat kekuatan pemerintah yang sangat kuat.

Setelah beberapa tokoh militan tersingkir dalam pilihan raya 1982 sama ada dalam PPP ataupun dalam PDI akibat kepimpinan dalam tubuh parti-parti dan menerima asas Pancasila. Maka mesyuarat MPR 1983 dengan mudah melahirkan keputusan, tanpa cabaran seperti mesyuarat MPR 1978. Keinginan pemerintah begitu mudahnya diluluskan dalam mesyuarat DPR 1985 yang membahas lima RUU bidang politik. Sekalipun RUU itu sangat penting bagi kehidupan masyarakat ramai. Barangkali suasana seperti inilah yang diinginkan oleh pemerintah Orde Baru dalam sistem demokrasi Indonesia dengan asas tunggal Pancasila.

C.1. Golkar Dalam Pilihan Raya 1987

Pada akhir tahun 1986 menjelang pilihan raya 1987 Golkar menyatakan penamaan calon anggota parlimen. Empat puluh peratus merupakan wajah-wajah baru, 20% generasi muda dibawah umur 40 tahun dan 15% wanita. Sejumlah anak-anak pegawai tinggi negara dan tokoh-tokoh korporat muncul sebagai calon baru. Terdapat 35 bekas anggota ABRI yang telah berjasa membesarkan Golkar. Lain halnya dengan Soksi, Kosgoro dan MKGR yang juga pernah membesarkan Golkar tampak pengaruhnya sudah berkurang.

Beberapa tokoh kritis seperti Sawidago Wounde yang pernah bicara dalam kes pertanahan bahawa "rakyat hendaknya tidak menjadi korban" serta Rusli Desa yang selalu bicara kritis dalam fraksi tidak dicalonkan kembali.⁶⁴ Banyak yang merasa gelisah atas kebijaksanaan Golkar yang mengarah kepada organisasi 'kader', namun Golkar dapat menutupi munculnya konflik dalaman dengan menyalurkan anggota yang tidak terpakai kebidang usaha lain.

Adanya keinginan Golkar untuk berakar di masyarakat sebagai usaha mengimbangi perlindungannya dari atas. Kebijakan yang dibuat pemerintah untuk ini dengan mendekati umat Islam sejak tahun 1980. Pembinaan pesantren dengan memberikan bantuan serta kemudahan untuk mengikuti pendidikan di fakulti umum. Yayasan 'Amal Bhakti Muslim Pancasila', dipimpin oleh Presiden Suharto, sejak ditubuhkan pada tahun 1982 telah dapat membangun beratus-ratus mesjid. Pelbagai lembaga keislaman dibentuk, seperti MDI, (Majlis Dakwah Islamiah), disamping GUPPI, (Gabungan Usaha Perbaikan Pendidikan Islam) yang sudah lama ditubuhkan, Lemkari, (Lembaga Kekaryaan Islam), Majlis Taklim Kaum Ibu Al-Hidayah. Dalam bidang undang-undang Projek Kompilasi Hukum Islam yang bertujuan membuat rancangan buku undang-undang bagi para hakim agama Islam sebagai pegangan resmi di lembaga peradilan agama Islam.⁶⁵

Upaya Golkar untuk memenangkan pilihan raya 1987 tampak dengan cara-cara yang tidak jauh berbeza pada pilihan raya sebelumnya. Pertama, menampakkan kepada massa dalam berbagai kempen bahawa Golkar telah menciptakan kesan menjadi sebuah

parti negara. Banyak pemerhati menilai bahawa Indonesia sedang bergeser ke arah sistem parti tunggal. Walaupun penilaian ini banyak dibantah oleh pimpinan Golkar. Kedua, mempersamakan kejayaan pembangunan, khasnya kepada masyarakat lapisan bawah di desa-desa sebagai hasil usaha Golkar, yang mampu memberi kejayaan dan keuntungan masyarakat desa. Ketiga, menggunakan saluran dan jasa resmi kerajaan dengan dukungan dari menteri-menteri sebelum masa resmi kempen dimulai.⁶⁶

Keempat, pemerhati R. William Liddle berkata bahawa pilihan raya selama Orde Baru adalah pengukur yang tidak sempurna kehendak politik rakyat. Pilihan raya itu menampakkan adanya kontrol yang sangat ketat hasil rancangan pemerintah (ABRI) untuk memperlihatkan keabsahannya kepada rakyat dan dunia luar. Sementara pada saat bersamaan menghindari sejauh mungkin pertarungan nyata diantara kekuatan-kekuatan yang bersaing.⁶⁷ Selama tiga kali pilihan raya Golkar memenangkan lebih dari 60% suara. Kejayaan ini sebagian besar dengan peraturan pemerintah sangat menguntungkan Golkar, misalnya melarang pembentukan cawangan parti di desa-desa. Golkar hadir secara permanen dalam wajah politik birokrasi. Membatasi masa kempen selama 25 hari dari 45 hari dalam kempen pilihan raya sebelumnya. Melarang kempen yang mengkritik kebijaksanaan pemerintah dan memberikan kekuasaan kepada badan-badan pemerintah tempatan penyokong Golkar.⁶⁸

Menghadapi pilihan raya 1987, ketika pemerintah merasa lebih yakin dari pada sebelumnya atas kemenangan Golkar, ABRI secara resmi menyatakan sikap berkecualinya. ABRI yang masih

aktif tetap berhati-hati untuk berada diluar kempen, tetapi perwira-perwira bersara tampil lebih menonjol dibandingkan sebelumnya. Gerakan pegawai-pegawai kerajaan untuk memobilisasi para pendukung disemua peringkat kerajaan tempatan tetap berlangsung. Mereka digunakan untuk memberi tekanan kepada kepala-kepala desa untuk mengumpulkan undi bagi Golkar. Strategi ini secara tradisional sangat berjaya.⁶⁹ Dikabarkan adanya tekanan terhadap pelajar Sekolah Menengah (SMA) pada masa larangan kempen (minggu tenang) untuk Golkar. Hal ini penyebab kemenangan Golkar di Bandaraya Jakarta. Reaksi ini terutama muncul dari PDI.⁷⁰

C.2. PPP dan Pilihan Raya 1987

Meskipun PPP telah mengugurkan asas keislamannya, disebabkan tuntutan perjuangan parti dan kebutuhan massa, telah memaksa tokoh-tokoh parti untuk tetap memakai pendekatan Islam seperti dalam pilihan raya sebelumnya. Hal inilah yang tampak dalam kempen pilihan raya 1987 untuk memikat massa dipelbagai daerah-daerah tempatan. Pemanfaatan Islam ada hubung kait dengan mempertahankan pemilih tradisional parti, seperti terkesan dalam ungkapan "PPP memang bukan parti Islam, tetapi satu-satunya wadah umat Islam"⁷¹

Setelah tersingkirnya tokoh-tokoh PPP pembangkang, sama ada dari unsur NU atau dari unsur MI, maka Ketua Umum, J.Naro semakin menunjukkan kekuatannya. Dia menyusun senarai daftar calon anggota parlimen yang baru dengan menampakkan kesetiaan yang tinggi. Juga terlihat adanya unsur 'nepotisme'. Sikap

J.Naro ini semakin membuat kemarahan dari kelompok pembangkang sehingga aksi penggagalan bermunculan dipelbagai negeri yang berbasis NU. Naro dalam pelbagai kempen menyebutkan orang yang meninggalkan parti itu disebut "telur busuk" dan jumlahnya hanya sekitar dua ratus ribu orang.⁷²

Kempen pilihan raya PPP 1987 sangat berbeza dengan pilihan raya sebelumnya. Beberapa tokoh yang berpengaruh seperti Kasman Singodimejo, Nurcholis Madjid dan Rhoma Irama serta sebahagian ulama tidak lagi menyatakan untuk mendukung PPP. Akibatnya suasana kempen PPP jauh lebih sepi berbanding pilihan raya 1982 dan sebelumnya. Beberapa penyebab lain adalah penerimaan asas tunggal Pancasila sehingga organisasi Islam menyatakan sikap berkecuali, konflik yang berterusan dalam tubuh PPP, perilaku penggagalan terhadap PPP dan usaha PPP dalam mencari identiti baru yang belum menemui wajahnya.

Semula masalah tanda gambar menjadi pertikaian antara pimpinan parti, walaupun pada akhirnya semua setuju dilakukan perubahan dari tanda gambar Ka'bah menjadi 'Bintang'.⁷³ Namun yang menarik dari 'Bintang' sebagai tanda gambar yang baru digambar diatas kotak persegi empat dengan warna dasar hitam, sehingga sepintas menyerupai gambar Ka'bah yang berbintang. Kenyataan ini disifatkan adanya kegelisahan antara kebutuhan mengidentifikasi antara asas baru dengan keinginan untuk mempertahankan sisa identiti lama.

Beberapa surat khabar menulis, pada pusingan pertama kempen pilihan raya, PPP dihadiri oleh massa yang sangat sedikit. Walaupun dalam pusingan berikutnya lebih meningkat sampai

pada hari pengundian apabila berbanding dengan pilihan raya 1982 (lihat tabel 1). Angka-angka yang dimuat dalam surat khabar *Pelita* meskipun agak berlebihan, namun perkiraan surat khabar yang bebas seperti *Merdeka*, *Sinar Pagi* dan *Sinar Harapan* tampaknya cukup memberikan gambaran kemerosotan jumlah peserta kempen PPP pada pilihan raya 1987. Data yang menurun itu menjadi jelas apabila dibandingkan dengan massa parti ini dalam kempen pilihan raya tahun 1982.

Tabel 1
Perbandingan Peserta Kempen PPP
di Enam Kota pada pilihan raya 1982 dan 1987

Kota	1982		1987	
	Jumlah	S u m b e r	Jumlah	Sumber
Bandung	1.000.000	Merdeka, 12-4	0	-
Jakarta	500.000	SinarPG, 16-3	100.000	Kompas, 16-4
Jakarta	500.000	SinarHP, 23-4	0	-
Bangil	300.000	Pelita, 20-4	100.000	Kompas, 18-4
Banyuwangi	250.000	Pelita, 5-4	0	-
Ujung Pandang	200.000	Pelita, 25-3	0	-
Aceh	0	-	100.000	Kompas, 12-4

Sumber : Seri Pendidikan Politik, Syamsudin Haris, *PPP dan Politik Orde Baru*, Gramedia, 1992, h.113.

C.3. PDI dan Pilihan Raya 1987

Sebagaimana halnya Golkar yang banyak menampilkan tokoh-tokoh terkenal untuk menarik massa yang banyak, khas dalam kempen pilihan raya. PDI berusaha memanfaatkan nama besar Presiden pertama Sukarno, dengan melibatkan anggota keluarga Bung Karno, walaupun yang ikut hanyalah Megawati dan Guruh. Matlamatnya agar mengembalikan pendukung PDI, dimana sejak

Orde Baru banyak warga PNI yang pindah ke Golkar. Sementara untuk menarik warga masyarakat keturunan Cina ditampilkan Kwik Kian Gie, seorang ekonom, korporat, cendikiawan yang cukup terkenal. Untuk menarik kaum belia dengan menampilkan pelakon terkenal, seperti Rano Karno, Roy Marten dan lain-lain. Untuk menarik pemilih Islam tradisional dengan menampilkan ulama, Kiyai Siradj seorang tokoh NU dan tokoh-tokoh NU lainnya yang kecewa terhadap PPP.⁷⁴

PDI untuk pertama kali dalam pilihan raya 1987 ini memberi kesan tanpa konflik, kerana banyak senarai pengurus PDI berasal dari tokoh-tokoh muda bebas dari keterlibatan pada konflik dalaman. Disamping itu PDI menampilkan perilaku dalam kempen bentuk "kempen simpatik" dan "kempen senyum", sederhana dan merakyat dengan mengajak warga PDI untuk gotong royong. PDI berusaha mengidentikan dirinya sebagai "parti rakyat kecil" atau "parti orang miskin", kesan ini cukup berjaya menarik lapisan masyarakat "kelas bawah" di berbagai negeri.⁷⁵

Apabila dilihat manifesto PDI 1987 tidak jauh berbeza dengan pilihan raya 1982, tidak banyak berbeza dengan manifesto PPP. Bahkan terkesan mengulang-ulang pilihan raya sebelumnya, diantaranya PDI menolak segala bentuk monopoli, PDI ialah parti miskin, menentang korupsi, mengikis habis kemiskinan serta memperjuangkan keadilan. Juru cakap PDI, Ipik Asmasubrata mengatakan bahawa 20 tahun terakhir ini pemerintah Suharto telah banyak rasuah. Sementara Kwik Kian Gie menyatakan bahawa hentikan pinjaman luar negeri serta monopoli dengan persekongkolan secara tertutup yang membabitkan keluarga Presiden

Suharto.⁷⁶ Berbeza dengan 1987, isu 'marhaenisme' sudah tidak muncul lagi dan muncul isu baru iaitu "kabinet bayangan", artinya PDI harus menyiapkan dan mempunyai orang-orang yang sama pandainya dengan menteri-menteri yang duduk dalam kabinet sebagai pembantu Presiden.⁷⁷ Agaknya PDI memahami keinginan dari segolongan orang yang menyampaikan kritik kepada pemerintah. Isu kabinet ini mendapat cabaran dari tokoh Golkar dengan menyatakan bahawa masalah kabinet ialah hak dari Presiden.

Dalam salah satu undi pendapat yang diadakan oleh surat khabar *Kompas* pada 3hb April 1987 menunjukkan bahawa 48% dari mereka yang menghadiri kempen PDI merupakan generasi muda (usia 20 sampai 30 tahun), dan 28,64% dari mereka yang hadir berusia dibawah 20 tahun. Dari jumlah responden yang sama sebanyak 213 orang, 47% berstatus sebagai mahasiswa dan pelajar, 20% kaum peniaga dan swasta dan 15% penganggur.⁷⁸ Berdasarkan undi pendapat ini dikalangan pemuda, khasnya mahasiswa menginginkan adanya perubahan dalam kehidupan politik Indonesia. Keinginan itu ditunjukkan melalui tokoh idaman Sukarno, (Presiden pertama). Poster-poster Sukarno yang bertajuk "Oh Bung Karno kamilah penerusmu", "Hidup Sukarno", yang sering muncul dalam setiap kempen PDI. Pemerintah, khasnya Presiden Suharto merasa khawatir akan munculnya faham Sukarnoisme atau marhaenisme dan didalamnya juga terkandung ajaran marxisme.

Keberuntungan PDI dalam menghadapi pilihan raya 1987, tampak juga sikap ABRI yang lebih berkecuali dan sikap media massa yang lebih banyak berpihak kepadanya berbanding kepada

PP. Kemelut yang menimpa pimpinan PPP membawa NU bersikap berkecuali, banyak warga NU yang pindah serta mendukung PDI. Dalam suatu tajuk rencana *Kompas* pada 26hb Mac 1987 antara lain berbunyi; beberapa daerah di Jakarta dimasa pilihan raya 1982 menunjukkan PPP yang cukup banyak dan dalam kempen pilihan raya 1987 belum melihat hal ini. Kempen Golkar tidak mengalami perubahan dengan pilihan raya 1982. PDI dipelbagai empat tidak menunjukkan kecil, bahkan di Bandaraya Malang, bandar kedua terbesar di Jawa Timur Soerjadi, Ketua Umum PDI Soerjadi mengubah bandar itu menjadi "bandar lembu", (lembu anda gambar PDI). Surat khabar *Prioritas* pada 7hb April 1987 memberitakan tajuknya "PPP kehilangan arah, Golkar terperangkap menjemukan, PDI mencoba isu segar".

4. Pilihan Raya 1987: Golkar Membesar, PPP dan PDI Mengecil

Kempen pilihan raya 1987 lebih tenang dibandingkan dengan kempen-kempen sebelumnya. Beberapa pemerhati mengatakan bahawa itulah pilihan raya yang paling bebas kerana ABRI mencoba berada diatas semua pihak. Walaupun demikian, ini sama sekali tidak menunjukkan bahawa tentara tidak berkepentingan. Disiarkan bahawa pemerintah yang didominasi ABRI semakin yakin diri dibandingkan pada masa-masa sebelumnya, kerana ABRI telah merasuk begitu dalam ke birokrasi dan ini digunakan oleh Golkar untuk meraih suara.⁷⁹

Hari Kamis 23hb April 1987 pilihan raya keempat Orde Baru dilaksanakan. Jumlah pengundi terdaftar 93.965.953 dan jumlah pengundi yang memilih adalah 85.809.816 (91,32%). Pengundi

yang ikut memilih hampir sepadan dengan pilihan raya 1982 dan 1977 iaitu kira-kira 91 %, namun tetap lebih rendah dari pilihan raya 1971 yang mencapai 94%. Golkar tampak kembali berjaya (73,17%), sementara PPP jatuh (15,97%). Sedangkan PDI yang dua kali pilihan raya sebelumnya mengalami penurunan, kini meraih peningkatan cukup bererti (10.86%).⁸⁰

Tabel 2
Perbandingan Kerusi hasil Pilihan Raya
Tahun 1982 dengan 1987

Parti	1982		1987	
	%	Kerusi	%	Kerusi
PPP	20,44	94	12,20	61
Golkar	53,47	246	59,80	299
PDI	5,21	24	8,00	40
Golkar non ABRI	4,57	21	—	—
Golkar ABRI	16,32	75	20	100
Jumlah		460		500

Diolah dari sumber :

1. Joherman Djohan, Pola dan Masa Depan Perimbangan Kekuatan Politik di DPR, AIPi, Jakarta, 1988.h.63.
2. Surat Khabar Kompas, 7 Jun 1987.

Berasaskan hasil pilihan raya 1987 pembicaraan yang berkembang dalam akhbar berkisar tentang kekalahan PPP. Kemanakah aspirasi Islam disalurkan? Tanpa simbol parti Islam PPP jatuh. Dengan asas tunggal Pancasila berakibat parti ini dalam kempen pilihan raya kurang menarik, nampak dari keragu-raguan dari juru kempennya. Sikap politik NU yang melepaskan ikatan politiknya dari PPP dan konflik yang berterusan serta sikap menusuk dari belakang dari tokoh-tokoh NU berakibat parti ini mengalami pukulan berat. Untuk pertama kali Golkar berjaya

di seluruh propinsi Indonesia, khususnya untuk propinsi Aceh dan Jakarta yang pilihan raya sebelumnya diungguli oleh PPP.

Hampir semua kenaikan Golkar diimbangi dengan menurunnya PPP, bererti NU dalam PPP memberikan bahagian terbesar pengundi berpindah. Merosotnya dukungan PPP di 24 dari 27 daerah pemilihan propinsi. Perbezaan-perbezaan kemerosotan itu di daerah-daerah pengundi dimana NU secara tradisi kuat, seperti Jawa Barat, Jawa Timur dan Jawa Tengah. Sementara daerah-daerah propinsi pengundi diluar Jawa yang tidak memiliki basis NU tetapi menganut Islam yang taat tidaklah terlalu besar.

Dalam pilihan raya 1987 sasaran utama pemimpin Golkar ditingkat nasional ialah meningkatkan pengundi di daerah Aceh. Pemberian suara kepada PPP oleh masyarakat Aceh setiap pilihan raya disifatkan dengan ciri anti pemerintah, identiti kesukuan dan agama mereka. Dalam pilihan raya 1987 sikap tersebut sudah mulai berubah. Penyumbang besar dari kemenangan Golkar di Aceh adalah kempen dana perjuangan Golkar yang dijalankan oleh dua tokoh pemerintah, iaitu Direktur Pertamina dan kepala Bulog, (Badan Urusan Logistik).⁸¹ Kemenangan Golkar di Aceh ini menurut Ghazali Amna, pimpinan PPP di Aceh sebagai suatu tipu daya yang kotor kerana adanya ancaman kepada pengundi dan penipuan kertas undi.⁸²

Peningkatan suara PDI tahun 1987 3%, menurut pemerhati William Liddle banyak di bandar-bandar. Di Jakarta suara PDI meningkat 28,8% dari 15% di tahun 1982. Sebagian besar peningkatan yang sebanding di Jawa Barat, dari 9,5% menjadi 16% dan bandaraya Bandung dan Bogor, keduanya memiliki jumlah

mahasiswa yang banyak dan berdekatan dengan Jakarta. Kerananya sangat mungkin pemuda-pemuda yang membanjiri kempen PDI di Jakarta merupakan benih-benih tentangan terhadap pemerintah lima masa depan.

Dipihak lain faktor puluhan ribu kaum muda mengenakan "T-shirt" merah PDI bergambar Sukarno, membanjiri kempen-kempen di hampir seluruh daerah propinsi, terutama di Jakarta membuat guncang Sudharmono, Ketua Umum Golkar. Dia bersikap lunak samalannya untuk berjaya dalam pilihan raya dari 70% menjadi 50%. Setelah pilihan raya Presiden memerintahkan untuk mempelajari buku-buku teks sejarah moden untuk mencari tahu mengapa para pengundi muda memiliki sedikit pemahaman segi-segi negatif zaman Sukarno. Beberapa pemerhati luar dan dalam mengenai terkenalnya PDI dikalangan kaum muda bandar disebabkan peningkatan sikap kritis.⁸³

Berkembangnya PDI tidaklah terlalu mengkhawatirkan pemerintah. Walaupun mereka relatif berani atas sejumlah isu, seperti rasuah. Parti ini sama sekali sangat tergantung kepada kemahuan baik pemerintah sebagaimana pengangkatan pemimpin-pemimpinnya oleh pemerintah pada kongres terakhir bulan April 1986. Diperkirakan bahawa peningkatan suara PDI mungkin merupakan hasil sampingan dari keadaan pemilih yang tidak begitu mencerminkan suatu kesetiaan baru kepada PDI atau tumbuhnya ikatan orang muda militan, apabila dibanding dengan arus terpendam ketidakpuasan terhadap Orde Baru. Agaknya perubahan pengundi menurut sebahagian pemerhati yang cenderung kepada PDI, lebih banyak dipengaruhi oleh kerana tidak suka kepada

suka kepada PPP atau kepada Golkar, bukan sepenuhnya disebabkan oleh manifesto atau program PDI yang sangat baik.

Catatan:

1. Antara, 16-8-1982.
2. Lihat, Abdul Munir Mukhan, Perilaku Politik dan Polarisasi Umat Islam 1965-1987, h.122-1225, dan Horald Crouch, Militer dan Politik di Indonesia, Sinar Harapan, Jakarta, 1986, h.293-295.
3. Rusli Karim, Nuansa Gerak Politik Era 1980-an di Indonesia, 1992, h.15-17.
4. lihat, Sinar Harapan, 18 Julai dan Merdeka, 19 Julai 1983. Pancasila yang diterima adalah Pancasila yang terdapat dalam Mukaddimah UUD 1945 yang disahkan pada tanggal 18 Ogos 1945 oleh Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia. Pancasila itu telah mengalami perubahan 'rumusan' daripada sumbernya "Piagam Jakarta" yang menguntungkan umat Islam. Sehingga dapat diterima oleh berbagai golongan agama, suku, ras dan paham-paham dalam masyarakat Indonesia. Namun kerana rumusannya terlalu umum, sehingga pelaksanaannya tergantung kepada kemahuan politik dari pihak yang berkuasa. Agaknya hal inilah yang menyebabkan ada golongan-golongan pembangkang menolak asas tunggal Pancasila.
5. Rusli Karim, op.cit., h.16-17.
6. Sinar Harapan dan Merdeka, loc.cit.
7. Lihat, Sinar Harapan, 27 Julai 1983 dan Merdeka, 15 Ogos 1983.
8. Tempo, 27-8-83, h.13.
9. Kompas, 21 September 1983.
10. Suara Karya dan Kompas, 18-8-1982.
11. Sinar Harapan dan Jurnal Ekuin, 18-8-1982.
12. Merdeka, 29-10-1982. Abdurrahman Wahid, lahir tahun 1940, pendidikan Pesantren di Jawa Timur, Fakulti Sastra Universiti Bagdad, Irak (1970). Pengasuh Pesantren di Jakarta. Dia sangat populer dalam warga NU, disamping juga dia

keturunan pendiri NU, Hasyim Asy'ari, sehingga suaranya menjadi pertimbangan oleh pemerintah. Apa dan Siapa 1984, Grafiti, Jakarta, h.1108-1110.

13. Kompas, 20-8 dan 4-9-1982.
14. Suara Karya, 13-9-1982.
15. FEER, (Far Eastern Economic Review), 12 May 1983, h.26.
16. lihat, Pelita, 11-1-1983.
17. lihat, Sinar Harapan, 5 Mac 1983, dan Kompas, 11 Mac 1983.
18. Referendun adalah suatu kegiatan untuk meminta pendapat rakyat apabila MPR berkehendak untuk merubah UUD 1945. Keanggotaan MPR yang selama ini terdiri dari pengangkatan sebanyak sepertiga, bertujuan agar MPR tidak merubah UUD 1945, maka dengan keluarnya keputusan MPR tentang referendum pengangkatan sepertiga anggota MPR itu akan ditinjau kembali.
19. Dalam pilihan raya 1971 Golkar mendapat kerusi 236 sementara PPP 94 dan PDI 30, pilihan raya 1977 Golkar mendapat kerusi 232 sementara PPP 99 dan PDI 29 dan pilihan raya 1982 Golkar 242 sementara PPP 94 dan PDI 24. lihat, Rusli Karim, op.cit., h.151.
20. Modal terkuat Sudharmono ialah kepercayaan Pak Harto terhadapnya, lihat, Tempo, 8-10-83, h.18. Sudharmono sebelum menduduki tiga kali Menteri, sejak awal Orde Baru dia pernah diangkat sebagai setia usaha pribadi Presiden Suharto untuk urusan umum. Gelar sarjana undang-undang diperoleh dari Perguruan Tinggi Hukum Militer yang membawa dia sebagai seorang Peguam Tentara, terakhir memiliki pangkat Letnal Jeneral. Lihat, Apa dan Siapa, 1984, h.946, dan Vatikiotis, Michael R.J., Indonesian Politics Under Suharto, New & Updated, London and New York, 1993, h.84.
21. Tempo, 29-10-83, h.13.
22. Tempo, 12-11-1983, h.18.
23. Ibid.
24. Tempo, 31-3-1984, h.13.
25. Leo, Suryadinata, op.cit., 1992, h.122-123, lihat juga,

- Sinar Harapan, 9 Jun 1984.
26. Tempo, 28 Mac 1987, h.27.
 27. Leo Suryadinata, op.cit., h.123-124, lihat juga Tempo, 24 Oktober 1987, h. 11-12, Kompas, 18 Julai 1986.
 28. R.William Liddle, Pemilu-pemilu Orde Baru, LP3ES, Jakarta, 1992, h. 94, lihat juga David Jenkins, Suharto and His Generals Indonesian Military Politics 1975-1983, Cornell Modern Indonesia Project, New York, 1984, h.157-158.
 29. Syamsuddin Haris, op.cit., h.47, lihat juga, Merdeka, 9 Dcember 1981.
 30. Kompas, 3-9-82.
 31. Tempo, 19-11-1983, h.14.
 32. Tempo, 27-8-1983, h.14.
 33. Lihat, Tempo, 22 Juni 1985, h.13, 31 Mei 1986, h.12-13, 21 Pebruari 1987, h.20-24.
 34. lihat, Tempo, 21-1-87, h.22.
 35. Syamsuddin Haris, op.cit., h.117.
 36. Lihat, R.William Liddle, op.cit., 1992, h.95.
 37. Lihat, Seri Pendidikan Politik, PDI dan Prospek Pembangunan Politik, Grasindo, Jakarta, 1991, h.55. Soerjadi, lahir Ponorogo, Jawa Timur, 12hb April 1939, pendidikan Sarjana Universiti Gajah mada, Jokjakarta, ahli GMNI, pernah menjadi salah seorang Ketua KNPI. Dia juga seorang korporat dibidang industri motosikal. Terpilihnya dia sebagai Ketua Umum PDI kerana dianggap oleh pemerintah memiliki pribadi yang bersih, sama ada terhadap konflik dalam PDI ataupun dari sudut pandangan stabiliti nasional. lihat, Tempo, 10-5-1986, h.12, dan Apa dan Siapa, h.902-903.
 38. Lihat, Tempo, 28 Mac 1987, h.28-29, lihat juga Seri Pendidikan Politik PDI, 1991, h.15.
 39. Tempo, 13-9-1986, h.20.
 40. Lihat antara lain, Far Eastern Economic Review, 7-5- 1987, h.32; dan Asiaweek, 10-5-1987, h.23, yang dikutip oleh Seri Pendidikan Politik PDI, 1991, h.15.
 41. M.Riza Sihbudi, PDI dan Pemilihan Umum 1987, (dlm) Alfian,

Masa depan kehidupan politik Indonesia, Rajawali, Jakarta, 1988, h.106.

42. Organisasi sosial masyarakat, disebut juga Organisasi massa (ormas). Ormas ada yang menyatakan dirinya terkait dengan salah satu partai tertentu, seperti AMPI terkait dari Golkar. Ada juga yang menyatakan dirinya berkecuali, dengan berbagai macam ciri khas, seperti keislaman Muhammadiyah, NU hasil Mukhtamar ke-27 tahun 1984. Ormas kependidikan ekstra Universitas yang bersifat bebas dengan berbagai macam ciri, seperti HMI Islam, GMNI, GMKI bercirikan Kristian Protestan, PMII (kesamaan aliran dengan NU), IMM (paham Muhammadiyah) dan lain-lain.
43. Kompas, 1-7-83.
44. Pelita, 2-5-83.
45. Kiblat, No.31/XXXI, tahun 1982.
46. Kompas, 1-7-83.
47. Ibid.
48. Tempo, 24-12-1983, h.14-15.
49. Sinar Harapan, 23 Mei 1983, lihat juga, Tempo, 31-12-1983.
50. Tempo, 24-12-1983, h.18.
51. Ibid., h.18, Sinar Harapan, 25-5-1983 dan Merdeka, 1-6-1983.
52. Tempo, 31-12-1983.
53. Tempo, 14-12-1985, h.12, Sinar Harapan, 9-6-1983.
54. Sinar Harapan, 9 Juni 1983, dan Tempo, 13-8-1983, h.13.
55. Tempo, 29-3-1986, h.13.
56. Merdeka, 1-6-1983.
57. Lihat, Syamsuddin Haris, op.cit., 1991, h.31.
58. Lihat, Tempo, 22-9-1984, h.13-15; dan 29 September 1984, h.14, Tempo, 18-10-1986, h.14.
59. Tempo, 13-10-1984, h.12.
60. FEER, 18-10-1984, h.19.
61. Ibid., h.17.
62. Tempo, 25-1-1986, h.13.
63. Tempo, 29 Desember 1984, h.14
64. Lihat, Tempo, 6-9-1986, h.13-16.

65. Lihat, Ridwan Saidi, Golkar, 1992, h.14-15.
66. Lihat, Leo Suryadinata, op.cit., 1992, h.126-127.
67. Liddle. Pemilu, h.90-91.
68. Ibid., h.91.
69. Ibid., h.91.
70. Ibrahim Ambong, Pemilihan Umum 1987 dan Prospek Golkar, (dlm) Masa Depan Kehidupan Politik Indonesia, h.76.
71. Lihat, Syamsuddin Haris, op.cit., 1991, h.116.
72. Tempo, 28 Mac 1987, h.25.
73. 'Bintang' ialah suatu lambang dari sila pertama Pancasila, iaitu Ketuhanan Yang Maha Esa, sedangkan Ka'bah sebagai kiblat umat Islam sebagai tanda gambar PPP pada pilihan raya 1977 dan 1982.
74. Seri Pendidikan Politik: PDI, 1991, h.5-6.
75. Ibid., h.10.
76. Lihat, New Straits Times, 23-4-1987.
77. Kompas, 9-4-1987, dikutip juga dalam, Seri Pendidikan Politik:PDI, 1991, h.11.
78. Seri Pendidikan Politik: PDI, op.cit., h.13.
79. Leo, Suryadinata, op.cit., 1992, h.126-127.
80. Lihat Djohermansyah Djohan, Pola dan Masa Depan Perimbangan kekuatan politik di DPR, (dlm.) Masa Depan Kehidupan politik Indonesia, Alfian, AIPI Jakarta, 1988, h.60-61 ; lihat juga FEER, Mei 7 1987. Pada pilihan raya 1987 kerusi DPR ditingkatkan dari 460 menjadi 500, dan pemberian kerusi Golkar berjumlah 21 kerusi ditiadakan, tetapi kerusi ABRI dinaikkan dari 75 menjadi 100.
81. Liddle, op.cit., 1992, h.96.
82. Lihat, New Sunday Times, 26-4-1987, New Sraits Times, 28-4-1987.
83. Liddle, op.cit., 1992, h.98; lihat juga, FEER, 23-4-1987.